

**Pegawai SPR dan ahli perniagaan didakwa kerana rasuah**  
**Malaysian Insider**  
**July 2 , 2013**  
**OLEH V. ANBALAGAN**

Seorang pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan ahli perniagaan tidak mengaku bersalah dan minta dibicarakan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur hari ini kerana dituduh menerima rasuah sebanyak RM80,000 dari pemilik syarikat pelancongan.

Rasuah itu diberikan agar Syarikat Southair Travel and Tours Services dilantik untuk membawa masuk pemerhati pilihan raya antarabangsa dalam pilihan raya umum lalu.

Ahli perniagaan itu Fizal Kamaruddin atau nama samarannya Fauzi, 32 dan pegawai SPR Muhamad Firdaus Mohd Ramli, 33 yang merupakan setiausaha kepada salah satu jabatan di SPR, dituduh menerima wang dari pemilik syarikat Mohd Noor Mokhid.

Kesalahan itu didakwa dilakukan bersama-sama di sebuah restoran di Kampung Pandan pada 16 Oktober tahun lalu.

Perbuatan itu merupakan kesalahan mengikut seksyen 16 (a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Jika didapati bersalah, kedua-duanya boleh dijatuhkan hukuman penjara selama 20 tahun dan didenda.

Kedua-dua dijamin dengan RM10,000 setiap seorang dengan seorang penjamin. Hakim Rosilah Salleh menetapkan pendengaran kes bermula pada 10 Julai.

Peguam Datuk Sallehudin Saidin mewakili tertuduh sementara Timbalan Pendakwaraya Mohd Sophian Zakaria melakukan pendakwaan.

Beliau mengatakan Fizal akan didakwa kerana meminta wang di Mahkamah Sesyen Shah Alam esok. - 2 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pegawai-spr-dan-ahli-perniagaan-didakwa-kerana-rasuah/>